



Tret Personaliti dan Faktor Pemilihan Kategori Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar Kolej Vokasional

Personality Traits and Occupational Category Selection Factors Among Vocational College Students

Mohamad Rafizi Taha¹, Mimi Mohaffyza Mohamad^{2*}, Tee Tze Kiong³,
Yee Mei Heong⁴, Adnan Ahmad⁵

^{1,2,3,4}Faculty of Technical and Vocational Education,
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 86400, Parit Raja, Johor, MALAYSIA

⁵School of Education,
Faculty of Social Science and Humanities, Universiti Teknologi Malaysia, MALAYSIA

*Corresponding Author

DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2022.07.01.007>

Received 28 December 2021; Accepted 27 March 2022; Available online 31 March 2022

Abstrak: Kajian ini mengkaji tret personaliti dan faktor pemilihan kategori pekerjaan dalam kalangan pelajar tahun dua Diploma Vokasional Malaysia di Kolej Vokasional dari negeri Johor. Kajian ini menggunakan Teori Tipologi Kerjaya Holland (1973) bagi mengenalpasti tret personaliti dan faktor utama yang mendorong pemilihan kerjaya para pelajar di kolej vokasional. Seramai 104 orang telah menurut serta di dalam kajian ini yang terdiri daripada pelajar tahun 2 Diploma Vokasional Malaysia yang menggunakan persampelan secara rawak. Alat kajian Self-Directed Search (SDS)-Form Eassy digunakan bagi meninjau tret personaliti responden, manakala item bagi faktor yang mendorong pemilihan kategori pekerjaan pelajar dibangunkan sendiri orang pengkaji. Analisis data deskriptif yang diperolehi menunjukkan bahawa faktor utama dalam pemilihan kerjaya responden adalah faktor minat. Dapatan kajian juga menunjukkan profil personaliti keseluruhan responden adalah S(sosial), I(investigatif) dan R(realistik). Ciri-ciri bagi kategori kerjaya ini adalah minat terhadap aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan memanipulasi orang lain seperti memberitahu, melatih, mendidik, menghindari aktiviti yang eksplisit, berstruktur serta aktiviti yang melibatkan bahan, peralatan dan mesin. Analisis *Independent Sample T-test* digunakan bagi melihat perbezaan yang signifikan di antara faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya responden. Dapatan kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor minat yang mempengaruhi pemilihan kerjaya responden. Kesimpulan dari kajian ini adalah pemilihan kategori pekerjaan pelajar-pelajar di kolej vokasional adalah SIR iaitu berupaya bekerja dengan orang lain dengan keupayaan kemahiran berfikir yang boleh diaplikasikan dalam kerja-kerja kemahiran bersesuaian bidang pengajian teknologi yang dipilih. Selain daripada itu minat merupakan faktor utama dalam pemilihan bidang dan pelajar-pelajar ini telah bersedia untuk menceburi bidang kerjaya yang selari dengan bidang pengajian. Kepentingan kajian ini boleh menjadi sebahagian dari rujukan bagi pemilihan bidang pengajian kepada pelajar-pelajar yang memilih TVET sebagai laluan kerjaya.

Kata kunci: Kategori pekerjaan, tret personaliti, faktor minat

Abstract: This study focuses on personality traits and job category selection factors among second year students of the Malaysian Vocational Diploma in Vocational Colleges in the state of Johor. This study uses Holland's Theory of Career Typology (1973) to identify personality traits and key factors that drive students career choices in vocational colleges. 104 people participated in this study which consisted of 2nd year students of the Malaysian Vocational Diploma selected through random sampling. The Self-Directed Search (SDS) -Form Eassy research tool was used to survey the personality traits of the respondents, while the items for the factors that drove the selection of the student occupation category were developed by the researcher. Analysis of the descriptive data obtained showed that the main factor in the career choice of the respondents was the interest factor. The findings of the study also showed that the overall personality profiles of the respondents were S (social), I (investigative) and R (realistic). Characteristic of this career category is an interest in activities related to manipulating others such as informing, training, educating, avoiding explicit, structured activities as well as activities involving materials, equipment and machinery. Independent Sample T-test analysis was used to see the significant differences between the factors that influence the career choice of respondents. The findings of the study showed that there are significant differences between the factors of interest that influence the career choice of respondents. As a conclusion, the selection of job category of students in vocational colleges is SIR which can work with others with the ability of thinking skills that can be applied in the work of skills appropriate to the field of study in technology. Apart from that interest is a major factor in the selection of field and these students are ready to venture into a career field that is parallel to the field of study. The importance of this study can be part of the reference for the selection of field of study to students who choose TVET as a career path.

Keywords: Job categories, personality traits, interest factors

1. Pengenalan

Pekerjaan merupakan suatu keperluan yang amat penting di dalam kehidupan sebagai manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup. Dengan adanya pekerjaan, kita akan berasa puas dengan kehidupan yang kita miliki serta akan menjamin keperluan pada masa hadapan. Malahan pekerjaan dapat memperlihatkan seseorang itu dari segi status masyarakat, tahap ekonomi dan juga dari segi pendapatan. Bekerja bererti seseorang itu mesti aktif dalam bidang yang diceburinya untuk membawa perubahan kepada diri sendiri, masyarakat dan negara. Pekerjaan dikatakan mampu mempengaruhi konsep sendiri, perasaan nilai, kesejahteraan dan identiti keperibadian seseorang (Mutambanengwe, 2014). Setelah tamat persekolahan, seseorang itu mestilah mempunyai kesedaran kerjaya yang tinggi. Kesedaran kerjaya merupakan kesedaran tentang perhubungan antara sendiri dengan pendidikan, mengenali kelompok pekerjaan serta kemahiran di dalam membuat sesuatu pilihan yang tepat.

Namun, masalah pengangguran dalam kalangan graduan masih menjadi masalah utama di negara ini. Menurut Rusmin (2010), sikap graduan yang memilih pekerjaan, kurang keyakinan dengan kebolehan diri, kekurangan nilai etika dan moral, kemahiran menggunakan teknologi serta kebolehan menyesuaikan diri di tempat kerja menjadi punca peningkatan pengangguran walaupun peluang pekerjaan yang disediakan sebenarnya adalah banyak. Masalah pengangguran ini turut dipengaruhi oleh beberapa factor yang lain antaranya tahap keyakinan diri graduan yang tidak menyakinkan bakal majikan untuk mengambil mereka bekerja (KPTM, 2012). Oleh yang demikian, ini dapat menghasilkan prestasi yang kurang baik dalam melaksanakan kerja yang diberikan.

Aspek pemilihan kategori pekerjaan yang tepat dengan personaliti dan minat seseorang itu adalah amat penting kerana menurut Amla (2011) kerjaya adalah pengalaman bekerja yang mempengaruhi gaya hidup dan kesejahteraan diri. Oleh itu, pemilihan kategori pekerjaan merupakan suatu perancangan yang penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Ia haruslah seiring dengan kursus yang diambil oleh pelajar semasa dalam pengajian bagi membolehkan mereka kompeten dalam menyelesaikan tugas yang diberikan semasa bekerja kelak. Kajian oleh *Career Service, Rutgers University* (2007), sekiranya pemilihan kategori pekerjaan tidak diambil serius, individu tersebut mungkin akan terperangkap dalam kerjaya yang tidak diminati, menjadikan kerjaya tersebut kurang bermakna. Namun, lulusan tempatan diingatkan untuk tidak memilih pekerjaan selepas mereka tamat pengajian kerana kerjaya yang cemerlang turut boleh dibina bermula dari bawah (Rasul et al, 2009).

Oleh itu, lulusan kolej vokasional perlu bersiap sedia melengkapkan diri mereka dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan dan membentuk personaliti diri yang jitu serta mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai kategori pekerjaan yang bersesuaian dengan tret personaliti mereka. Berdasarkan kepada masalah yang dinyatakan ini, jelas menunjukkan kajian lepas yang telah dijalankan memfokuskan kepada pelajar dari universiti dan juga graduan teknikal dan vokasional yang bekerja dalam sektor tertentu, namun masih belum ada kajian yang dijalankan terhadap pelajar kolej vokasional. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sama ada masalah yang sama timbul dalam kalangan pelajar kolej vokasional khususnya bagi pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM). Pengkaji ingin mendapatkan maklumat mengenai minat pelajar terhadap kerjaya berdasarkan personaliti RIASEK Holland. Selain daripada itu, kajian ini juga memfokuskan kepada faktor-faktor yang mendorong pelajar ini untuk membuat pemilihan kerjaya mereka itu sendiri. Akhir sekali, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan minat pelajar

untuk membuat pemilihan kerjaya berdasarkan personaliti RIASEK Holland antara Kolej Vokasional A dan B di negeri Johor.

1.1 Latar Belakang Kajian

Isu yang sangat sensitif kepada masyarakat pada masa kini adalah mengenai isu pengangguran terutama kepada golongan siswazah. Pengangguran merupakan satu masalah pada era globalisasi yang semakin menular di dalam negara ini. Setiap tahun kita dihujani dengan isu kegagalan belia terutama golongan siswazah untuk mendapatkan pekerjaan. Menurut Pandey dan Pandey (2015) pada tahun 2014 sahaja lebih 430 juta orang yang menganggur berumur 15-34 tahun. Menurut Nazri dan Khairul Anuar (2014), negara-negara yang membangun akan berdepan dengan kegagalan membina negara yang berasaskan ekonomi serta teknologi industri jika berhadapan dengan masalah tenaga yang berkemahiran pada tahap yang rendah. Secara rasionalnya, masalah pengangguran yang tinggi ini berpunca daripada ketidaksepadanan pemilihan kerjaya dengan tret personaliti, keberkesanan latihan, terdapat jurang kemahiran generik dan juga pelajar mempunyai kecenderungan untuk tidak meneruskan aspirasi kerjaya di dalam yang sama dengan bidang pengajian mereka (Taylor, 2005). Antara faktor yang melibatkan di dalam isu ini adalah kesilapan dalam memilih kursus pengajian setelah tamat pengajian. Ini akan mengakibatkan remaja menjadi rusing dan bingung terutamanya bagi remaja yang tidak dapat mengagak dengan baik tentang minat, kebolehan, personaliti dan kemahiran mereka sendiri (Pandey dan Pandey, 2015). Akhirnya, kerjaya pilihan mereka tidak bersesuaian dengan minat mereka.

Oleh yang demikian ia mempunyai perkaitan dengan ketidaksepadanan dalam pasaran pekerjaan di dalam Malaysia. ketidaksepadanan kemahiran graduan juga dapat diketahui melalui jumlah pengangguran dalam kalangan graduan yang berdaftar untuk memasuki skim latihan siswazah yang disediakan oleh kerajaan. Sebagai contoh, Program Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) adalah sebuah program untuk mempertingkatkan tahap kebolehpasaran dan membolehkan graduan ini untuk mendapatkan pekerjaan yang bersepadanan dengan kelayakkannya melalui kerjasama daripada Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan swasta. Sejak dilancarkan SL1M ini pada Jun 2011 sehingga 2013, ia telah menerima penyertaan seramai 10,701 graduan (JPM, 2013). Dengan itu, kita dapat mengetahui peningkatan jumlah penyertaan program SL1M ini telah menunjukkan graduan kini mempunyai masalah bagi mendapatkan pekerjaan yang bersepadanan dengan tahap kelayakan dan kemahiran yang mereka miliki.

1.2 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- (a) Mengenal pasti minat pelajar mengenai kerjaya berdasarkan personaliti RIASEK Holland.
- (b) Mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar.
- (c) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan secara deskriptif di antara minat pemilihan kerjaya pelajar berdasarkan personaliti RIASEK Holland.
- (d) Mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar.

2. Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan menggunakan kaedah soal selidik dengan pendekatan kuantitatif. Selain daripada itu, kajian ini merupakan kajian deskriptif di mana data-data yang diperolehinya daripada borang soal selidik. Dengan itu, instrumen kajian dibina berdasarkan kajian-kajian lepas bagi menjawab persoalan kajian iaitu mengenai minat pelajar yang diperolehi daripada personaliti mereka berdasarkan psikologi vokasional John Holland, faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar ini untuk memilih bidang dan pemilihan kategori kerjaya mereka sendiri dan perbezaan yang signifikan di antara minat dari dua buah kolej vokasional di negeri Johor. Di dalam kajian ini, kumpulan sampel adalah terdiri daripada pelajar-pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dari kolej vokasional A dan B di negeri Johor.

Semasa pandemik COVID-19 yang berlaku pada masa ini, semua institusi di Malaysia ditutup sehingga diberitahu oleh kementerian yang bermaksud pelajar perlu meneruskan pengajian melalui platform secara dalam talian. Oleh itu, penyelidik menggunakan borang Google untuk mengagihkan borang soal selidik dalam kajian ini. Untuk kajian ini, borang soal selidik digunakan. Untuk reka bentuknya dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A: Demografi responden, Bahagian B: Ujian RAISEK Holland dan Bahagian C: Faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan. Responden utama untuk soal selidik ini adalah pelajar dari kolej vokasional di Johor yang mengambil Diploma Vokasional Malaysia.

Di dalam penyelidikan ini, kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik kepada responden akan digunakan kepada pelajar Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dari kolej Vokasional A dan B di negeri Johor. Penggunaan soal selidik dipilih berdasarkan kepada rasional dan kaedah soal selidik memberikan lebih masa kepada responden kajian untuk berfikir sebelum menjawab item-item di dalam borang soal selidik. Menurut Robson & McCartan (2016) penggunaan soal selidik juga membolehkan keseragaman di dalam situasi pengukuran kerana setiap responden akan memberikan maklum balas kepada item yang sama berdasarkan pengetahuan serta keikhlasan responden ketika menjawab soalan-soalan di dalam borang soal selidik tersebut. Instrumen kajian adalah adaptasi daripada Instrumen *Self-Directed Search- Form Easy (SDS-Form Easy)*. Pada asalnya Holland (1958, 1965, 1977) telah menamakan alat ukuran ini sebagai *Vocational Preference Inventory (VPI)*. Alat ukur ini digunakan di dalam kajian ini adalah untuk mengukur

minat kerjaya dan jenis-jenis personaliti bagi mengenal pasti kategori pekerjaan yang bersesuaian dengan mereka. Borang soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian A adalah mengenai latar belakang responden yang terdiri daripada tiga soalan iaitu pusat pengajian, jantina dan kursus pengajian DVM. Bahagian B pula memfokuskan kepada ujian RIASEK Holland yang fokus kepada minat dan tret personaliti responden untuk membantu mendapatkan kategori pekerjaan yang bertepatan dengan ciri-ciri yang ada dalam diri mereka. Seterusnya pada bahagian C adalah untuk mengukur faktor dominan yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar sebelum meneruskan pengajian di peringkat DVM di kolej vokasional yang terdiri daripada lima soalan bagi setiap faktor.

Skor-skor hasil daripada dapatan kajian boleh disusun dan dirumuskan mengikut skor yang paling tinggi hingga skor yang paling rendah bagi membentuk kod tiga huruf RIASEK. Seterusnya, bidang kejaya pilihan boleh dipadankan berdasarkan kod-kod tersebut mengikut *The Occupational Classification* (Holland, 1972). Selain daripada itu borang soal selidik ini adalah lebih praktikal kerana kaedah ini dapat digunakan untuk saiz sampel yang besar seta dapat meningkatkan ketepatan dapatan data kajian nanti.

3. Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dalam bab ini, ia melaporkan hasil kajian yang telah dilakukan di kalangan responden yang terdiri daripada pelajar Tahun 2 Diploma Vokasional Malaysia dari oleh Vokasional A dan B di negeri Johor. Hasil kajian yang diperoleh merangkumi minat pelajar terhadap sesuatu kerjaya berdasarkan keperibadian RIASEK Holland di kalangan pelajar di KV A dan B di negeri Johor di mana penemuan tersebut diperoleh melalui borang soal selidik yang diedarkan melalui borang google. Analisis data ini terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan latar belakang responden seperti sekolah, jantina dan kursus pengajian DVM di sekolah. Bahagian kedua membincangkan ujian RIASEK Holland iaitu untuk mengenal pasti minat pelajar dalam kerjaya berdasarkan keperibadian RIASEK Holland yang terdiri daripada enam prinsip asas yang merupakan inti pati teori, iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E), dan Konvensional (K). Oleh itu setiap individu mempunyai stereotaipnya sendiri berkaitan dengan dunia pekerjaan. Sebanyak 60 soalan dibina untuk mengenal pasti prinsip asas minat pelajar terhadap kerjaya di kalangan pelajar kolej vokasional. Bahagian ketiga membincangkan faktor utama yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar yang terdiri daripada 4 faktor, iaitu faktor minat, faktor keluarga, faktor rakan sebaya dan juga faktor ganjaran atau gaji. Sebanyak 20 soalan dihasilkan dalam mengenal pasti faktor utama yang mendorong pemilihan kerjaya sebagai pelajar dari Kolej Vokasional A dan B di negeri Johor. Data yang diperoleh dapat mengenal pasti stereotaip dunia pekerjaan pelajar KV berdasarkan ujian RIASEK Holland. Data yang diperoleh dari pertanyaan kajian dianalisis menggunakan skor min, peratusan dan ujian T sampel bebas.

3.1 Dapatan Kajian

Seramai 104 orang pelajar tahun dua Diploma Vokasional Malaysia dari KV A dan B di negeri Johor telah mengambil bahagian dalam kajian ini yang melibatkan kursus teknikal dan vokasional. Soal selidik ini diedarkan kepada pelajar secara atas talian dengan menggunakan pautan borang google. Melalui kajian yang dilaksanakan, seramai 56 orang responden daripada Kolej Vokasional A manakala 48 orang responden adalah daripada Kolej vokasional B.

3.1.1 Demografi

Seramai 104 orang pelajar yang telah menurut serta memberikan respon di dalam kajian ini daripada dua buah kolej vokasional A dan B di negeri Johor yang terdiri daripada kursus pengajian Diploma Teknologi Automotif, Diploma Teknologi Kimpalan, Diploma Teknologi Pemesenan Am/Industri, Diploma Teknologi Penyeyjukan dan Penyaman Udara, Diploma Teknologi Elektrik, Diploma Teknologi Elektronik dan Diploma Teknologi Pembinaan. Hanya maklumat bahagian kursus pengajian DVM sahaja yang akan dianalisis dan selebihnya hanya digunakan bagi melihat ciri-ciri responden yang dipilih di dalam kajian ini. Soal selidik bagi bahagian A iaitu latar belakang pelajar, ia mengandungi tiga soalan yang terdiri daripada pusat pengajian, jantina, dan kursus pengajian DVM. Jadual 3.1 memaparkan hasil analisis terhadap jantina pelajar. Berdasarkan daripada jadual di bawah ini, bilangan pelajar lelaki (n= 91, 87.5%) adalah lebih ramai daripada pelajar perempuan iaitu (n= 13, 12.5%). Ringkasan bagi perbezaan jantina adalah seperti di dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1 - Taburan pelajar berdasarkan jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	91	87.5
Perempuan	13	12.5
Jumlah	104	100

3.1.2 Minat Pelajar Mengenai Kerjaya Berdasarkan Personaliti RIASEK Holland

Analisis deskriptif bagi item-item berkaitan sterotaip minat pelajar mengenai kerjaya berdasarkan personaliti RIASEK Holland dipaparkan dalam jadual di bawah ini. Soal selidik yang digunakan untuk mengenal pasti tiga prinsip asas yang merupakan intipati di dalam teori kerjaya John Holland mengandungi 60 soalan yang dipecahkan kepada enam prinsip asas iaitu Realistik, Investigatif, Artistik, Sosial, Enterprising dan Konvensional.

i. Sosial (S)

Berdasarkan daripada kod tiga huruf Holland, prinsip asas Sosial ini merupakan kod yang dominan bagi pelajar aliran vokasional dan teknikal ini. Secara amnya, individu di dalam kategori ini lebih mencenderung untuk memilih aktiviti yang berkaitan dengan memanipulasi orang lain serta mempunyai ciri-ciri seperti berpengaruh, suka bekerjasama, suka menolong orang dan banyak lagi. Selain daripada itu, individu ini menggemari untuk mengawasi kerja orang lain. Jadual 3.2 menunjukkan analisis sosial di dalam prinsip asas Holland. Berdasarkan jadual tersebut, jelas menunjukkan bahawa majoriti daripada responden lebih cenderung untuk memulakan sesebuah persahabatan iaitu pada item B40. Di dalam jadual tersebut, ia telah menunjukkan bahawa seramai 97 orang responden yang menggemarinya bersamaan dengan 93.3% daripada responden bersetuju dengan kenyataan ini. Ini bertepatan dengan salah satu ciri-ciri yang perlu ada bagi individu di dalam kategori ini. Seterusnya pada item B34 mempunyai peratusan persetujuan pada tahap yang sederhana iaitu hanya 52.9 % bersamaan dengan 55 orang responden sahaja. Item B34 mengatakan bahawa mereka suka untuk menolong orang yang mempunyai masalah peribadi. Selain daripada itu juga, item B31 menunjukkan jumlah persetujuan yang paling sedikit iaitu hanya 6.7% sahaja. Ia menunjukkan bahawa hampir kesemua responden daripada KV A dan B ini tidak minat untuk menulis surat pada kawan. Ini bertepatan dengan teknologi semasa yang mudah untuk berhubung dengan rakan-rakan dengan hanya menggunakan platform seperti whatsapp, messenger dan media sosial yang lain. Kemungkinan besar penggunaan surat ini sudah tidak lagi relevan pada era globalisasi ini.

Jadual 3.2 - Analisis sosial dalam prinsip asas Holland

No. Soalan	Soalan	Frekuensi (Tidak)	Frekuensi (Ya)	Peratusan (%) Setuju	Peratusan (%) Tidak setuju
B31	Menulis surat pada kawan	97	7	6.7	93.3
B32	Menghadiri perjumpaan agama	14	90	86.5	13.5
B33	Menganggotai kelab social	84	20	19.2	80.8
B34	Menolong orang yang mempunyai masalah peribadi	49	55	52.9	47.1
B35	Menjaga kanak-kanak	70	34	32.7	67.3
B36	Menghadiri majlis-majlis	35	69	66.3	33.7
B37	Menari	91	13	12.5	87.5
B38	Menghadiri mesyuarat atau persidangan	63	41	39.4	60.6
B39	Menghadiri acara sukan	38	66	63.5	36.5
B40	Memulakan persahabatan	7	97	93.3	6.7
Jumlah peratusan (%)				47.3	52.7

ii. Investigating (I)

Bagi prinsip asas Investigatif, individu di dalam kategori ini adalah bersesuaian dengan pekerjaan yang lebih memerlukan kemahiran berfikir serta mempunyai ciri-ciri seperti analitikal, kompleks, perasaan ingin tahu yang menebal dan suka berfikir secara rasional. Jadual 3.3 menunjukkan peratusan persetujuan responden bagi kategori investigatif. Jelas menunjukkan bahawa item B11 dan B13 mempunyai jumlah peratusan yang tinggi berbanding item yang lain iaitu 59.6%. Kenyataan bagi item B11 dan B13 menunjukkan bahawa seramai 62 orang responden menggemari kerja projek sains. Kebiasaannya, individu yang gemari aktiviti ini lebih bercenderung untuk pekerjaan yang berkaitan di dalam bengkel. Selain daripada itu juga, berdasarkan jadual 3.3, item pada B14 mempunyai jumlah persetujuan yang paling rendah iaitu hanya 6.7 % sahaja bersamaan dengan 7 orang responden sahaja yang menggemari untuk membina model roket. Kemungkinan besar, responden ini datang daripada pelajar yang mengambil bidang pengajian dalam Diploma Teknologi

Pembuatan. Individu di dalam kategori ini mempunyai sikap analitikal yang tinggi serta mempunyai kemahiran berfikir yang menebal.

Jadual 3.3 - Analisis investigatif dalam prinsip asas Holland

No. Soalan	Soalan	Frekuensi (Tidak)	Frekuensi (Ya)	Peratusan (%) Setuju	Peratusan (%) Tidak setuju
B11	Membaca buku-buku atau majalah sains	42	62	59.6	40.4
B12	Bekerja dalam makmal	56	48	46.2	53.8
B13	Membuat kerja projek sains	42	62	59.6	40.4
B14	Membina model roket	97	7	6.7	93.3
B15	Bekerja menggunakan alat-alat kimia	48	56	53.8	46.2
B16	Membaca subjek-subjek tertentu	66	38	36.5	63.5
B17	Mengikuti kursus fizik	83	21	20.2	79.8
B18	Mengikuti kursus kimia	78	26	25	75
B19	Mengikuti kursus geometri	68	36	34.6	65.4
B20	Mengikuti kursus biologi	94	10	9.6	90.4
Jumlah peratusan (%)				35.2	64.8

iii. Realistik (R)

Analisis turut dilaksanakan bagi mengetahui peratusan pelajar yang bersetuju dengan setiap item yang dinyatakan di setiap prinsip asas John Holland. Individu di dalam kategori ini sesuai dengan kerja-kerja berat yang memerlukan kemahiran dan kemaskuliniti. Kebiasaannya, individu ini akan memilih pekerjaan yang akan membolehkan mereka mengekspresikan segala ciri-ciri yang dimilikinya. Jadual 3.4 merupakan bilangan responden yang telah merespon 10 item di bawah prinsip asas Realistik. Berdasarkan jadual tersebut, item B6 mempunyai peratusan persetujuan item yang paling tinggi iaitu 100% dan ia menunjukkan kesemua responden menunjukkan minat untuk menggunakan alat-alat kerja logam atau mesin. Ini bertepatan dengan kursus pengajian yang mereka ambil yang melibatkan peralatan seperti mesin dan juga kerja-kerja logam. Seterusnya, peratusan persetujuan kedua tertinggi di dalam prinsip asas ini adalah sebanyak 63.5% iaitu pada item B1. Ini jelas membuktikan bahawa pelajar di kolej vokasional gemar untuk membaiki alat-alat elektrik dan ia sepadan dengan beberapa kursus pengajian yang ditawarkan di KV seperti Diploma Teknologi elektrik dan Diploma Teknologi Penyjukan dan Penyaman Udara. Malahan, berdasarkan daripada jadual 3.4 juga, ia menunjukkan bahawa responden kurang menggemari mengubahsuai enjin kereta dan motorsikal seperti yang dinyatakan pada item B7 (12.5%). Kemungkinan besar adalah di KV A dan B tidak ada bidang pengajian yang berkaitan dengan automotif.

Jadual 3.4 - Analisis realistik dalam prinsip asas Holland

No. Soalan	Soalan	Frekuensi Tidak	Frekuensi Ya	Peratusan (%) Setuju	Peratusan (%) Tidak setuju
B1	Membaiki alat-alat elektrik	38	66	63.5	36.5
B2	Bekerja dalam makmal	63	41	39.4	60.6
B3	Membuat benda-benda dari kayu	62	42	40.4	59.6
B4	Memandu trak atau traktor	84	20	19.2	80.8
B5	Mengikuti kursus latihan mekanik	39	65	59.6	40.4
B6	Menggunakan alat-alat kerja logam atau mesin	0	104	100	0
B7	Menggunakan alat-alat kerja logam atau mesin	91	13	12.5	87.5
B8	Mengikuti kursus seni perusahaan	85	19	18.3	81.7
B9	Mengikuti kursus kerja kayu	90	14	13.5	86.5
B10	Mengikuti kursus automekanik	88	16	15.4	84.6
Jumlah peratusan (%)				38.2	61.8

3.1.3 Faktor Yang Mendorong Pemilihan Kerjaya Pelajar

Item C1 sehingga C5 di dalam jadual 3.5 merupakan item berkaitan faktor minat yang menjadi faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar tahun dua DVM di KV A dan B di negeri Johor. Di dalam analisis ini, item C2 iaitu memilih kerjaya berdasarkan kesesuaian dan minat anda sendiri didapati mempunyai nilai min yang tertinggi bagi faktor minat ini. Bagi item C1 iaitu mencari segala maklumat tentang alam pekerjaan di pusat sumber, internet dan surat khabar memiliki nilai skor min kedua tertinggi iaitu 4.23. Secara keseluruhannya, item persoalan bagi faktor minat yang akan memberi impak kepada pelajar KV di dalam membuat pemilihan kerjaya mereka berada pada tahap yang tinggi. Ini merujuk bahawa faktor minat ini merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada pemilihan kerjaya pelajar KV yang bersesuaian dengan sterotaip setiap individu berhubung dengan dunia pekerjaan. Sterotaip tentang sesuatu kerjaya mempunyai makna psikologikal dan sosiologikal yang penting dan boleh dipercayai.

Jadual 3.5 - Faktor minat yang menjadi faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar

Faktor pemilihan kerjaya	No. soalan	Soalan	Min	Standard piawai (SP)
Minat	C1	Mencari segala maklumat tentang alam pekerjaan di pusat sumber, internet dan surat khabar	4.23	0.526
	C2	Memilih kerjaya berdasarkan kesesuaian dan minat anda sendiri	4.85	0.363
	C3	Menyediakan resume yang baik dan berkualiti	3.96	0.880
	C4	Persediaan menghadapi sesi temuduga adalah sangat penting bagi memastikan temu duga berjalan dengan lancar	3.88	0.969
	C5	Pelajar harus menjalani khusus atau mendapatkan khidmat kaunseling sebelum menentukan kerjaya yang bakal dipilih	3.73	0.839
Nilai purata keseluruhan			4.13	0.454

Jadual 3.6 menunjukkan nilai min yang diperolehi daripada dapatan kajian melalui borang google yang memfokuskan kepada faktor keluarga yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar. Ia terdiri daripada 6 jenis kursus pengajian DVM yang berbeza. Berdasarkan jadual tersebut, analisis min mendapati bahawa item C10 merupakan item yang mempunyai nilai yang tertinggi iaitu sebanyak 3.96. Berdasarkan nilai tersebut, setiap pelajar menyatakan bahawa ibu bapa mereka menghormati pendapat anak-anak tentang pemilihan pekerjaannya. Ia merupakan salah satu elemen yang akan mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar itu sendiri. Nilai skor yang terendah diperolehi daripada item soalan C7 dimana Ibu bapa memainkan peranan yang penting seperti bertukar-tukar pendapat tentang pemilihan kerja yang dipilih oleh anak-anak mereka adalah lebih rendah berbanding item C6, C8 dan C9. Secara keseluruhannya, item untuk faktor ibu bapa yang memberikan kesan terhadap pemilihan kerjaya pelajar berada di tahap yang baik.

Jadual 3.6 - Faktor keluarga yang menjadi faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar

Faktor pemilihan kerjaya	No. soalan	Soalan	Min	Standard piawai (SP)
Keluarga	C6	Ibu bapa memberikan dorongan/ motivasi kepada anak-anak tentang persediaan di dalam alam pekerjaan	3.95	1.135
	C7	Ibu bapa juga bertukar-tukar pendapat tentang pemilihan kerja yang dipilih oleh anak-anak	3.38	1.125
	C8	Ibu bapa bertanya kepada anak-anak tentang perasaan dan persediaan di dalam alam pekerjaan akan datang	3.90	0.512

C9	Ibu bapa memberikan kepercayaan kepada perancangan anak-anak dalam memilih pekerjaan	3.62	1.409
C10	Ibu bapa menghormati pendapat anak-anak tentang pemilihan pekerjaannya	3.96	1.023
Nilai purata keseluruhan		3.76	0.847

Jadual 3.7 menunjukkan nilai min yang diperolehi bagi elemen faktor rakan sebaya atau persekitaran. Berdasarkan jadual tersebut, didapati bahawa nilai min bagi elemen faktor rakan sebaya atau persekitaran turut berada di tahap yang tinggi iaitu dengan nilai min tertinggi sebanyak 4.29. Secara kesimpulannya, rakan sebaya juga mampu mempengaruhi pemilihan kerjaya rakan mereka apabila mereka mempunyai rakan yang suka menolong di waktu susah dan senang. Selain daripada itu juga, mempunyai rakan yang saling membantu untuk memberikan pendapat tentang persediaan diri dalam pemilihan kerjaya turut memainkan peranan ketika mereka membuat pemilihan kerjaya yang bersepadanan dengan tret personaliti dan minat mereka.

Jadual 3.7 - Faktor rakan sebaya atau persekitaran yang menjadi faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya

Faktor pemilihan kerjaya	No. soalan	Soalan	Min	Standard piawai (SP)
Rakan sebaya/ persekitaran	C11	Pengaruh rakan sebaya yang menentukan kerjaya dalam membuat pilihan untuk bekerja	3.25	1.050
	C12	Mempunyai rakan yang saling membantu untuk memberikan pendapat tentang persediaan diri dalam pemilihan kerjaya	3.88	0.867
	C13	Mempunyai rakan yang saling membantu untuk memberikan pendapat tentang persediaan diri dalam pemilihan kerjaya	3.80	0.729
	C14	Saya mempunyai rakan yang saling bantu-membantu	4.29	0.962
	C15	Saya dapat mempelajari banyak perkara/pendapat melalui rakan-rakan	3.78	0.881
Nilai purata keseluruhan			3.80	0.606

Jadual 3.8 merupakan ringkasan dapatan bagi elemen faktor ganjaran mahupun gaji yang memberikan impak yang besar bagi pelajar untuk membuat pemilihan kerjaya mereka yang mereka idamkan selama ini. Melalui dapatan ini, nilai min yang berada pada kedudukan tertinggi ialah elemen C18 iaitu pendapatan bulanan yang tinggi mendorong pelajar untuk membuat pemilihan kerjaya dengan lebih efektif. Manakala bagi elemen yang berada pada kedudukan terendah ialah C20 iaitu akan menolak tawaran kerja tersebut jika gajinya rendah. Secara keseluruhannya, kesemua elemen berada pada tahap yang tinggi berdasarkan kepada nilai purata min keseluruhan iaitu 3.95. Ini menunjukkan bahawa faktor ganjaran atau gaji ini memberikan kesan kepada pelajar ketika mereka membuat pemilihan kategori pekerjaan yang berpadanan dengan minat dan tret personaliti mereka.

Jadual 3.8 - Faktor ganjaran atau gaji yang menjadi faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya

Faktor pemilihan kerjaya	No. soalan	Soalan	Min	Standard piawai (SP)
Ganjaran/ Gaji	C16	Anda lebih mementingkan aspek gaji apabila memohon kerja di sesebuah organisasi	3.86	0.743
	C17	Memilih sesebuah organisasi/syarikat berdasarkan pendapatan gaji yang lumayan mengikut tahap Pendidikan	3.81	0.764
	C18	Pendapatan bulanan yang tinggi mendorong anda membuat pemilihan kerjaya dengan lebih efektif	4.46	0.573
	C19	Tahap Pendidikan yang tinggi dapat menstabilkan ekonomi dan merealisasikan impian seseorang	4.28	0.703
	C20	Saya akan menolak tawaran kerja tersebut jika gajinya rendah	3.92	0.863
Nilai purata keseluruhan			3.95	0.612

3.1.4 Perbezaan Minat Mengenai Pemilihan Kerjaya Berdasarkan Ujian Personaliti RIASEK Holland

Bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga, analisis deskriptif telah dilakukan bagi melihat perbezaan minat pelajar secara deskriptif mengenai kategori kerjaya berdasarkan ujian personaliti RIASEK Holland yang telah dijalankan di dua buah kolej vokasional A dan B di negeri Johor. Secara keseluruhannya KV A mempunyai tiga kod huruf Holland IKR (Investigatif, Konvensional, Realiti) atau IKA (Investigatif, Konvensional, Artistik) yang mempunyai nilai peratusan yang paling tinggi iaitu I(54.2%), K(53.9%), A,R(52.8%). Manakala bagi KV B ia mempunyai tiga kod huruf Holland SER atau SEA yang mempunyai nilai peratusan yang paling tinggi iaitu S(49.5%), E(49.5%) dan R,A(47.2%). Di sini ia menunjukkan bahawa KV B mempunyai kod tiga huruf yang sama dengan kod tiga huruf daripada *The Occupational Classification* (Holland, 1972). Ini menunjukkan bahawa KV B mempunyai pelajar yang mempunyai minat selari dengan tret personaliti dan bidang pengajian yang sedang mereka pelajari sekarang ini. Ia jelas menunjukkan bahawa, sebelum pelajar-pelajar ini memasuki ke kolej vokasional, guru kaunseling atau kaunselor telah menjalankan terlebih dahulu ujian RIASEK Holland terhadap pelajar-pelajar mereka. Ini terbukti dengan adanya ujian tret personaliti RIASEK Holland ia dapat membantu pelajar untuk membuat pemilihan kerjaya yang lebih tepat berdasarkan minat dan juga tret personaliti individu tersebut.

Oleh yang demikian, sekiranya kita dapat mengetahui pola personaliti individu dan pola persekitaran dengan menggunakan pengetahuan mengenai jenis-jenis personaliti dan juga model persekitarannya, kita boleh meramalkan beberapa perkara yang mungkin terhasil daripada padanan yang telah dibuat. Bahkan ia termasuklah dari segi pemilihan kerjaya, pertukaran kerjaya, tingkahlaku, kecekapan personal dan juga yang paling penting sekali pencapaian vokasional.

Jadual 3.9 - Analisis deskriptif perbezaan minat pelajar

Sterotaip RIASEK Holland	Pusat Pengajian	Peratusan (%)
Realistik	Kolej Vokasional A	52.8
	Kolej Vokasional B	47.2
Investigatif	Kolej Vokasional A	54.2
	Kolej Vokasional B	45.8
Artistik	Kolej Vokasional A	52.8
	Kolej Vokasional B	47.2
Sosial	Kolej Vokasional A	50.5
	Kolej Vokasional B	49.5
Enterprising	Kolej Vokasional A	50.5
	Kolej Vokasional B	49.5
Konvensional	Kolej Vokasional A	53.9
	Kolej Vokasional B	46.1

3.1.5 Perbezaan Yang Signifikan Mengenai Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar

Perbezaan mengenai faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar dari Kolej Vokasional A dan B di negeri Johor telah dianalisis dengan menggunakan *Independent Sample Test*. Jadual 3.10 menunjukkan nilai analisis *Independent Sample T-Test*. Setelah melakukan ujian ini, ia menunjukkan bahawa hanya faktor Minat yang mempunyai perbezaan yang signifikan bagi pemilihan kerjaya pelajar di antara Kolej Vokasional A dan B di negeri Johor disebabkan oleh nilai sig dibawah 0.005 (sig= 0.001). Oleh itu, hipotesis nul bagi faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar di KV A dan B di negeri Johor diterima dan menolak hipotesis alternatif.

Ini menunjukkan minat menjadi faktor utama bagi responden untuk mempengaruhi diri mereka semasa membuat pemilihan kategori pekerjaan pada bidang-bidang yang ditawarkan di dalam Kolej Vokasional A dan B di dalam negeri Johor ini. Kemungkinan besar ia disebabkan oleh kemahiran yang dikuasainya, kebolehan pada diri sendiri serta terdapat mata pelajaran yang digemari ada ditawarkan di sana. Taburan responden mengikut tahap bagi faktor minat memberi kesan kepada pelajar ketika di dalam membuat proses pemilihan kerjaya adalah pada tahap yang agak tinggi dengan mempunyai min sebanyak 4.050 (KV A) dan 4.225 (KV B). Oleh yang demikian kelancaran bagi membuat pemilihan kerjaya yang bersesuaian adalah dipengaruhi daripada hirarki perkembangan. Hirarki perkembangan yang tidak baik akan menyukarkan lagi pemilihan kerjaya serta akan memberikan tekanan kepada seseorang itu untuk mengubah bidang kerjaya yang lain.

Jadual 3.10 - Analisis *independent sampel T-Test*

Faktor Pemilihan Kerjaya	Pusat Pengajian	Min	Sisihan Piawaian (sp)	Sig
Minat	Kolej Vokasional A	4.050	0.315	0.001
	Kolej Vokasional B	4.225	0.565	
Keluarga	Kolej Vokasional A	3.750	0.760	0.595
	Kolej Vokasional B	3.775	0.947	
Rakan Sebaya/Persekitaran	Kolej Vokasional A	3.818	0.513	0.055
	Kolej Vokasional B	3.775	0.705	
Ganjaran/Gaji	Kolej Vokasional A	3.800	0.527	0.392
	Kolej Vokasional B	4.125	0.662	

3.2 Perbincangan

Dalam bab ini, penyelidik akan menerangkan hasil kajian dari kajian sebelumnya. Bab ini mempunyai tiga bahagian, iaitu perbincangan, kesimpulan dan cadangan. Bahagian perbincangan ini melibatkan pemprosesan hasil penyelidikan yang diperoleh semasa analisis dapatan kajian. Bahagian perbincangan ini, memfokuskan kepada minat pelajar terhadap kerjaya berdasarkan keperibadian RIASEK Holland kepada pelajar tahun kedua Diploma Vokasional Malaysia Kolej Vokasional A dan B di negeri Johor. Selain itu, faktor-faktor yang mendorong pemilihan kerjaya pelajar ini juga difokuskan seperti yang dinyatakan dalam kajian ini.

3.2.1 Minat Kerjaya Pelajar Berdasarkan Ujian RIASEK Holland

Pada bahagian ini ia membincangkan mengenai tret personaliti pelajar bagi mengenal pasti minat pelajar mengenai kerjaya berdasarkan personaliti RIASEK Holland yang akan memberikan padanan yang sesuai untuk pemilihan kerjaya atau bidang kursus pengajian para responden. Di dalam Ujian RIASEK Holland ini, ia dibahagikan kepada enam prinsip asas yang merupakan intipati kepada teorinya iaitu Realistik (R), Investigatif (I), Artistik (A), Sosial (S), Enterprising (E), dan Konvensional (K). Setiap prinsip atau tret personaliti ini memberikan makna yang tersendiri yang dipengaruhi oleh personaliti individu itu sendiri.

Berdasarkan penganalisan data yang telah dilakukan, dapatan kajian mendapati bahawa tret personaliti bagi keseluruhan responden dari KV A dan B di negeri Johor adalah SRI iaitu Sosial (S), Realistik (R) dan Investigatif (I). Di mana kod tiga huruf Holland ini mempunyai nilai peratusan yang tertinggi berbanding yang lain. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat begitu banyak perbezaan di antara kod tiga huruf pengkaji dengan kod tiga huruf Holland. Kod tiga huruf Holland yang diperolehi daripada *The Occupations Finder* (Holland, 1989) ialah SER.

Kod tiga huruf Holland yang tertinggi hasil daripada dapatan kajian ini adalah S iaitu Sosial. Kod sosial ini mempunyai ciri-ciri yang sepadan dengan bidang kursus yang mereka ikuti sekarang ini. Responden yang mempunyai ciri sosial ini mempunyai minat terhadap aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan memanipulasi orang lain seperti memberitahu, melatih, mendidik, menghindari aktiviti yang eksplisit, berstruktur serta aktiviti yang melibatkan bahan, peralatan dan mesin. Oleh dengan itu, individu ini mempunyai ciri-ciri personaliti seperti berpengaruh, suka bekerjasama, sabar, peramah, suka menolong orang lain, idealistik, dan baik hati. Oleh itu Kod tiga huruf Holland ini bersesuaian

dengan ciri-ciri personaliti dan bidang kursus pelajar DVM di KV seperti Diploma teknologi Pemesenan Industri, Diploma teknologi elektrik dan Diploma teknologi elektronik.

Kod tiga huruf Holland kedua yang mempunyai nilai peratusan kedua tertinggi adalah Realistik. Kod realistik ini mempunyai ciri-ciri yang sepadan dengan bidang kursus yang diikuti orang para pelajar DVM di KV A dan B di negeri Johor. Secara umumnya, individu di dalam kategori ini sesuai untuk melakukan kerja-kerja berat yang memerlukan kemahiran serta maskuliniti. Individu ini sebenarnya akan memilih kerjaya yang akan membolehkan mereka mengekspresi segala ciri yang dimiliki oleh mereka. Kerjaya pilihan yang bersesuaian dengan individu ini adalah seperti mekanik, juruteknik, tukang kayu dan lain-lain lagi. Selain daripada itu juga, ciri-ciri yang dimiliki oleh mereka adalah seperti keras hati, jujur, keras kepala, materialistik, tidak menyendiri dan lain-lain lagi.

Kod seterusnya yang mempunyai nilai peratusan yang ketiga tertinggi adalah Investigatif. Individu di dalam kategori ini adalah bersesuaian dengan pekerjaan yang lebih memerlukan kemahiran berfikir. Individu ini mempunyai ciri-ciri seperti analitikal, berhati-hati, kritikal, kompleks, perasaan ingin tahu yang menebal, berfikiran secara rasional, suka menyendiri, pendiam atau kurang bercakap dan lain-lain lagi. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan bahawa nilai hampir padan yang diperolehi daripada kod tiga huruf Holland dimana ianya bersesuaian dengan ciri-ciri seorang pelajar teknikal dan vokasional di KV yang akan menceburi bidang kerjaya yang sama dengan bidang kursus yang sedang mereka ikuti sekarang ini. Menurut Sobha (2016) penilaian sendiri ini adalah amat penting dilaksanakan sebelum pelajar ini untuk memilih bidang kerjaya yang mereka ingin ceburi dan ianya perlulah dilakukan seawal peringkat persekolahan lagi. Dengan adanya penilaian sendiri seperti ini, seseorang itu boleh membuat penyesuaian kearah tret personaliti yang perlu dimiliki oleh pelajar itu sendiri bagi menyandang jawatan dan bentuk pekerjaan yang bersesuaian. Menurut Shukry (2014), apabila seseorang membuat pertimbangan mengenai pemilihan kerjaya, mereka akan menilai dirinya dari pelbagai sudut yang berkaitan dengan profesion yang dipilih seperti kelayakkan, personalitinya dan juga kebolehan mereka itu sendiri. Secara tidak langsung, pelajar ini akan mencuba untuk mengimplentasikan konsep sendiri dengan memilih bidang pekerjaan yang membolehkan eksperimen diri mereka.

Berdasarkan analisis yang dijalankan, kajian menunjukkan pelajar kolej vokasional mempunyai efikasi sendiri pemilihan kategori pekerjaan yang tinggi. Ini bertepatan dengan kajian Fauzy dan Ishak (2007) yang turut mendapati majoriti pelajar IPTA mempunyai efikasi sendiri pemilihan kategori pekerjaan yang tinggi. Hal ini menunjukkan pelajar kolej vokasional percaya dan berkeyakinan dalam memilih kerjaya yang bersepadanan untuk masa depan mereka walaupun mereka masih di usia yang sangat muda. Pendedahan mengenai kerjaya oleh pihak kolej vokasional amat membantu pelajar dalam memahami selok belok kerjaya yang akan mereka ceburi, malahan dapat membuatkan mereka lebih yakin untuk membuat pemilihan kerjaya yang bersepadanan dengan bidang pengajian mereka. Rasul (2010) menyatakan individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan sentiasa mencari maklumat tentang kerjaya dan membuat pemilihan kategori pekerjaan yang terbaik. Mereka akan sentiasa berusaha untuk mendapatkan pencapaian yang tertinggi dalam semua perkara yang dilakukannya.

3.2.2 Faktor Yang Mendorong Pemilihan Kerjaya Pelajar

Di dalam kajian ini sebanyak empat faktor yang telah dikaji bagi melihat faktor yang manakah mampu mempengaruhi responden di dalam membuat pemilihan kerjaya yang bersesuaian dengan tret personaliti mereka itu sendiri. Empat faktor tersebut adalah faktor minat, keluarga, rakan sebaya/persekiraan dan ganjaran/gaji. Daripada analisis data yang telah dilaksanakan, didapati faktor utama yang mendorong pelajar untuk membuat pemilihan bidang kerjaya dan kursus pengajian mereka adalah faktor minat. Faktor kedua tertinggi yang dicatatkan adalah faktor ganjaran/gaji. Sementara itu, faktor rakan sebaya pula merupakan faktor ketiga dan faktor keluarga pula menunjukkan keluarga tidak memberikan impak atau dorongan kepada pelajar ketika membuat pemilihan kerjaya.

Nilai min yang terendah di dalam analisis ini pula adalah pada item C7, dimana pernyataan yang menyatakan bahawa ibu bapa bertukar-tukar pendapat tentang pemilihan kerjaya yang dipilih oleh anak mereka sendiri. Hampir keseluruhan responden tidak bersetuju dengan pernyataan tersebut dimana mereka menganggap ibu bapa mereka tidak membantu mereka di dalam membuat pemilihan kursus pengajian di KV yang akan membawa mereka kepada bidang kerjaya mereka selepas tamat pengajian diperingkat diploma ini. Ini berlaku kerana kesibukkan ibu bapa mereka terhadap kerjaya mereka sehingga mereka mengambil enteng mengenai pemilihan kerjaya anak-anak mereka dari peringkat awal lagi iaitu semasa di peringkat sekolah.

Faktor minat merupakan faktor yang utama yang mempengaruhi kerjaya para responden. Analisis data bagi lima item dalam faktor minat ini menunjukkan bahawa nilai min yang tertinggi pada item C2. Majoriti daripada responden bersetuju dengan pernyataan pelajar memilih kerjaya dan bidang kursus DVM di KV berdasarkan kesesuaian dan minat mereka itu sendiri. Hasil daripada dapatan kajian yang diperolehi ini, dapat dilihat bahawa pelajar aliran vokasional bersetuju bahawa minat merupakan faktor utama yang mempengaruhi kesediaan mereka untuk memilih kerjaya di dalam bidang yang dipelajarinya. Hasil kajian ini juga selari dengan pernyataan Saari (2017) yang menyatakan bahawa minat boleh mempengaruhi seseorang itu di dalam pemilihan kategori pekerjaan selari dengan bidang kursus pengajian mereka. Proses itu nanti akan membantu menentukan satu identiti kerjaya disamping membantu seseorang itu mempelajari tentang peluang yang ada dan juga mencuba untuk rancangan kerja separuh masa, kerja-kerja lapangan serta kerja di dalam situasi pekerjaan yang sebenar. Selain daripada itu juga, hasil kajian ini juga selari dengan hasil kajian yang dijalankan oleh Razak, Yusof, Syazana, Jaafar dan Talib (2014) dalam kajiannya terhadap terhadap pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia yang mendapati bahawa minat merupakan faktor yang penting di dalam pemilihan kerjaya

khususnya di dalam bidang vokasional. Sebilangan besar responden di dalam kajiannya bersetuju bahawa mereka memilih kursus atau bidang vokasional ini adalah kerana minat mereka sendiri terhadap bidang tersebut.

Minat terhadap aliran pendidikan teknik dan vokasional boleh dipupuk dengan penyertaan dan dorongan ibu bapa, guru dan rakan-rakan di dalam proses pembelajaran. Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Rasul (2010), penglibatan ahli keluarga mereka di dalam sesuatu bidang itu telah menimbulkan minat sehingga ia telah mempengaruhi responden untuk melanjutkan pelajaran serta menceburi bidang yang sama. Menurut Kamro (2012), di mana kebanyakan responden telah bersetuju bahawa mereka terpengaruh untuk memilih kursus yang mereka ambil di sekolah menengah teknik adalah kerana terdapatnya ahli keluarga mereka yang terlebih dahulu menceburi bidang yang sama sebagai kerjaya mereka. Selain daripada itu juga, keupayaan guru menimbulkan minat dalam diri pelajar akan menjamin keberkesanan pembelajaran dan meningkatkan pencapaian Fauzy dan Ishak, (2014).

3.2.3 Perbezaan Minat Pemilihan Kerjaya Pelajar Berdasarkan Personaliti RIASEK Holland

Persoalan kajian yang ketiga dibina berdasarkan objektif kajian yang ketiga iaitu untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan secara deskriptif di antara minat pemilihan kerjaya pelajar berdasarkan personaliti RIASEK Holland di dalam Kolej Vokasional A dan B di negeri Johor. Hasil kajian diperolehi melalui kaedah deskriptif peratusan. Berdasarkan Jadual 4.13, ia menunjukkan bahawa terdapat perbezaan di antara minat pemilihan kerjaya pelajar dimana KV B mempunyai pelajar yang mempunyai minat yang selari dengan tret personaliti dan bidang pengajian yang sedang mereka pelajari sekarang ini. Ini jelas menunjukkan bahawa kod tiga huruf bagi KV B adalah sama dengan kod tiga huruf Holland iaitu SER. Oleh itu pelajar yang ingin mengikuti aliran Pendidikan vokasional ini mesti mempunyai minat, kesediaan dan keyakinan untuk belajar. Tanpa minat yang mendalam pelajar akan sukar untuk berjaya. Minat yang mendalam terhadap aliran ini mendorong pelajar untuk melakukan yang terbaik untuk mereka berjaya (Minghat & Sikh Mohamad, 2007). Ini membuktikan bahawa minat pelajar mendorong pelajar untuk bekerja keras bagi mata pelajaran yang mereka minati. Di samping itu juga, sikap yang positif juga mendorong pelajar untuk sentiasa berusaha agar dapat berdaya saing untuk meneruskan pendidikan serta ketika memasuki di dalam alam pekerjaan. Pengetahuan yang diperolehi merangsang minat dan naluri untuk menggabungkan pengetahuan lain yang seterusnya membentuk sikap terdapat pembelajaran di dalam kelas (Hamza, 1990).

Oleh itu, jika masalah minat tidak selari dengan bidang pengajian pelajar ia akan mengakibatkan masalah pengangguran dan akhirnya akan melahirkan graduan yang lepasan institusi yang tidak memenuhi standard dan keperluan semasa di alam pekerjaan. Ini disokong oleh Razak, Yusof, Syazana, Jaafar dan Talib (2014) yang mengatakan pengangguran dalam kalangan graduan di Malaysia ini disebabkan oleh ketidaksepadanan kemahiran, lemah dalam penguasaan bahasa inggeris dan juga disebabkan oleh kekurangan kemahiran umum yang sepatutnya diperolehi semasa menjalani pengajian di institusi. Melalui laporan dan kajian lepas, ia menunjukkan berlakunya ketidaksepadanan di antara bidang pengajian di institusi latihan vokasional. Oleh itu adalah satu tanggungjawab untuk melihat semula serta mengenal pasti kelemahan yang wujud di dalam kurikulum institusi bagi setiap bidang pengajian yang ditawarkan.

3.2.3 Perbezaan Faktor Pemilihan Kerjaya Pelajar

Persoalan kajian keempat ini dibina berdasarkan objektif kajian yang keempat iaitu untuk mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara faktor pemilihan kerjaya pelajar di dua buah KV di negeri Johor ini. Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa, terdapat perbezaan yang signifikan di antara faktor minat bagi dua buah KV ini. Minat sering dikaitkan dengan pengaruh utama individu untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Minat merupakan faktor utama bagi menjamin kejayaan seseorang pelajar yang mengikuti aliran vokasional kerana ia akan mempengaruhi tingkahlaku mereka. Pengetahuan yang diperolehi merangsang minat dan naluri untuk menggabungkan pengetahuan lain yang seterusnya membentuk sikap terhadap pembelajaran di dalam kelas.

Dengan itu, minat merupakan faktor yang paling penting kepada pelajar bagi mengikuti aliran vokasional ini kerana minat boleh menghasilkan motivasi untuk menggalakkan pelajar dalam pembelajaran dalam bilik darjah dan bengkel. Seperti umum diketahui, aliran vokasional ini amat penting kerana ia telah menjadi satu keperluan bagi melahirkan tenaga kerja yang benar-benar berkemahiran. Ia secara tidak langsung dapat memenuhi sasaran Malaysia bagi menyediakan tenaga kerja mahir dan separa mahir.

4. Kesimpulan

Berdasarkan kajian yang berjaya dilakukan ini, dapatan menunjukkan bahawa tidak terdapat banyak perbezaan di antara kod tiga huruf pengkaji dengan kod tiga huruf Holland yang diperolehi daripada *The Occupations Finder* ialah SER. Hasil daripada dapatan kajian mendapati bahawa tret personaliti bagi keseluruhan responden di KV A dan B di negeri Johor adalah SRI iaitu Sosial (S), Realistik (R), dan Investigatif (I). Gambaran ini jelas menunjukkan bahawa pihak sekolah khususnya guru kauseling di sekolah telah membuat tapisan pelajar sebelum membuat pemilihan pelajar selari dengan bidang khusus yang bersesuaian dengan tret personaliti pelajar itu sendiri. Selain daripada itu juga, ia menunjukkan bahawa pelajar itu sendiri telah membuat persediaan awal sebelum membuat pemilihan bidang yang ditawarkan di KV selari dengan bidang kerjaya yang diimpikan kelak sejajar dengan tret personaliti mereka sendiri.

Seperti umum diketahui, bilangan pelajar yang bergelar graduan semakin meningkat dari tahun ke tahun. Bahkan ramai para graduan daripada institusi mengalami masalah pengangguran yang semakin membimbangkan dari hari ke hari. Pada

masa kini Malaysia sedang menuju ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara yang berpendapatan tinggi serta berteknologi tinggi. Namun hasil daripada kajian-kajian lepas mendapati bahawa terdapat masalah pengangguran dalam kalangan graduan vokasional ini. Melalui laporan dan kajian-kajian yang telah dilaksanakan, ia menunjukkan berlakunya ketidaksepadanan di antara bidang pengajian di institusi latihan kemahiran dan teknikal. Oleh itu, adalah menjadi satu tanggungjawab bagi melihat semula serta mengenal pasti kelemahan yang wujud di dalam kurikulum institusi bagi setiap bidang pengajian yang ditawarkan oleh institusi latihan kemahiran dan teknikal.

Selain daripada itu juga, kelebihan utama penggunaan teori John Holland untuk mengenal pasti tret personaliti pelajar dan keperluan kerjaya yang dipadankan adalah untuk memenuhi keperluan individu yang akan menjadikan pencapaian kerjaya di tahap yang paling memuaskan. Bahkan teori ini juga boleh membentuk pekerjaan yang ideal kerana minat dan kebolehan individu tidak mudah berubah dari masa ke semasa oleh kerana tret personaliti manusia adalah struktur yang kukuh yang telah wujud di dalam system saraf dan otak manusia.

Akhir sekali, semua lapisan masyarakat memainkan peranan yang sangat penting bagi memastikan graduan vokasional ini mendapat bidang kerjaya yang berpadanan dengan tret personaliti pelajar serta minat mereka itu sendiri. Malahan ia dapat memberikan impak yang sangat positif jika masalah ketidaksepadanan kerjaya dalam kalangan pelajar aliran vokasional ini dapat dielakkan.

Rujukan

Amla Mohd Salleh. (2010). Pendidikan Kerjaya dan Pembangunan Modal Insan. Bangi

Arsat, M., & Rasid, N. A. (2010). Faktor Kesiediaan Pelajar Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik Dalam Pembentukan Kerjaya: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Fraenkel & Wallen (2003) research design Research design: Definition, characteristics, and types. QuestionPro.

<https://www.questionpro.com/blog/research-design/>

Ishak, A., Rahmat, M., Shahrani, S., Zainal, N.F., & Abd Rahman, R. (2014). Keselarasan Personaliti dengan Pemilihan Program Sains Komputer dan Teknologi Maklumat. Jurnal Teknologi

Kamro, M. (2012). Kesiediaan menceburi kerjaya kejuruteraan binaan dalam kalangan pelajar jurusan binaan bangunan di sekolah menengah vokasional (Master's thesis, UTHM, Batu Pahat, Malaysia).

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM). (2013). Indikator Pengajian Tinggi Malaysia 2013.

Minghat, A. D., & Sikh Mohamad, R. (2010). Kesiediaan Pelajar Dalam Mengikuti Mata Pelajaran Vokasional Di Sekolah Menengah Harian Luar Bandar Daerah Jerantut, Pahang., 1-10.

Pandey, M., & Pandey, P. 2015. Global Employability of Unemployed Youth through Soft Skills. *International Journal of Multidisciplinary Approach & Studies*, 2(2).

Rasul, M.S. (2010). Kajian tahap kemahiran kebolehdapatan kerja lulusan program diploma kejuruteraan mekanikal Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Tesiss PhD.tidak diterbitkan: Universiti Putra Malaysia

Rasul, M. S., Ismail, M. Y., Ismail, N., Rajuddin, M. R., & Rauf, R. A. A. (2009). Peranan Institusi Pendidikan Teknikal Dalam Pemupukan Kemahiran 'Employability' Pelajar. *Sains Humanika*, 50(1)

Razak, M. I. M., Yusof, A. M., Syazana, W. N., Jaafar, W. E., & Talib, A. H. (2014). Factors Influencing Unemployment among Graduates in Malaysia – An Overview. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 5(11), 168

Taylor, A. 2005. What employer look for: the skills debate and the fit with youth perceptions. *Journal of Education and work*, 18(2), p.201-218.

Zool Hilmi et al. (2014). Hubungan individu persekitaran dan kebolehsesuaian terhadap pemilihan kerjaya pelajar Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) suatu analisis kandungan. *Jurnal Sains Humanika*, 2(1), 135-144.